

Masyarakat masih kurang peka jaga alam sekitar

Rakyat dikelilingi 30,000 tan sampah-sarap sehari pada 2020 jika tak bertindak segera

Berita Harian 16/04/2010 M/S 23

Oleh Jami'ah Shukri
jami@bharian.com.my

KIRA-KIRA 17,000 tan sisa pepejal pelbagai kategori dibuang setiap hari dan jika jumlah itu tidak terus dipantau ia boleh mencecah 30,000 tan sehari menjelang 2020.

Jumlah itu menggambarkan mentaliti masyarakat yang tidak begitu prihatin terhadap penjagaan alam sekitar dengan membuang sampah sesuka hati tanpa mengambil kira kesan kepada alam serta kehidupan manusia.

Siapa patut disalahkan? Mungkinkah program dilaksanakan kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) kurang agresif atau tidak memberi kesan kepada masyarakat untuk mengubah tabiat buruk dalam amalan seharian; atau undang-undang berkaitan tidak begitu ketat hingga mereka mengambil sikap sambil lewa?

Banyak perlu diperhalusi dalam segenap aspek supaya masalah pengurusan sisa pepejal serta kesedaran masyarakat berkaitan isu itu dapat diatasi dengan lebih berkesan dan mencapai sasaran.

Kini, 290 tapak pelupusan sisa pepejal disediakan di seluruh negara. Daripada jumlah itu, 114 tapak tidak lagi beroperasi dan baki 176 tapak masih beroperasi, manakala tujuh boleh dikategorikan sebagai tapak pelupusan sanitari.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga komited dengan memperkenalkan kaedah tapak pelupusan sanitari berpusat di



PROGRAM kitar semula mampu mendidik masyarakat jaga alam sekitar.

bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang diharap dapat menampung sampah semakin meningkat serta mengurangkan tapak pelupusan terbuka yang mencemarkan alam sekitar.

Kementerian sedang membina loji rawatan termal di beberapa pulau peranginan dan tanah tinggi seperti Pulau Langkawi dan Came-

ron Highlands bagi menggantikan insinerator mini sedia ada.

Bagi mengelak pelbagai bahan sisa pepejal terus menimbun di pusat pelupusan sampah dan mengurangkan pencemaran udara serta pengeluaran gas rumah hijau jika melalui proses pelupusan, kerajaan melancarkan program Kempen Kitar Semula Kebangsaan atau 3R -

Pengurangan (Reduce), Penggunaan Semula (reuse) dan Kitar Semula (recycle) sejak 2000.

Walaupun, tiada kajian menyeluruh dibuat untuk melihat keberkesanan program ini, Kajian Penilaian Outcome dan Impak Projek Perintis Kempen Kitar Semula di Lapan Presint di Putrajaya (2008), menunjukkan program berkenaan ada peningkatan.

Kajian menunjukkan sejak program dijalankan pada 2004, ada peningkatan dari segi jumlah barangan kitar semula yang dikutip, iaitu 73,150 tan (2004); 246,131 tan (2005); 370,489 tan (2006) dan 499,442 tan (2007). Kajian juga mendapati majoriti penduduk bersetuju kempen yang dilaksanakan berjaya meningkatkan kesedaran terhadap keperluan aktiviti kitar semula dan mempengaruhi mereka untuk mengamalkan kitar semula.

Tahun ini, kementerian turut menerima peruntukan membina dua Pusat Kitar Semula Bersepadu berskala besar, selain membuat perolehan pembekalan tong kitar semula 240 liter serta promosi kesedaran mengenai pengurusan sisa pepejal termasuk penggalakkan kitar semula.

Pembinaan dua pengumpulan kitar semula berskala besar di Subang Jaya, Selangor dan Program Perumahan Rakyat (PPR) Tamah Intan Baiduri, Kuala Lumpur dan pembinaan pusat mengkompos sisa rumah di Presint 5, Putrajaya juga mempunyai misi sama bagi meningkatkan kesedaran orang ramai ke arah mengurangkan pencema-

ran alam sekitar.

Selain itu, kempen kesedaran awam ditingkatkan dengan Kementerian menganjurkan beberapa program kemasyarakatan dengan kerjasama Danish International Development Assistance (DANIDA) di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Lajim Ukin, berkata kempen yang lebih agresif dengan kerjasama NGO akan dipertingkatkan untuk menyuburkan kesedaran dan disiplin pelbagai lapisan masyarakat dalam isu kebersihan yang menjadi tonggak utama kepada permasalahan pencemaran alam sekitar termasuk pembuangan sisa pepejal.

Sebagai contoh, tabiat membuang sampah di merata tempat menjadi pemandangan biasa.

"Di Australia, masyarakatnya setiap kali ternampak sampah terus membuangnya ke dalam tong sampah. Amalan itu tidak begitu meresap dalam jiwa masyarakat kita. Sikap pentingkan diri sendiri sentiasa menguasai diri," katanya sambil berpendapat sasaran negara untuk mencapai tahap kesedaran yang tinggi berkaitannya masih jauh berbanding dengan negara maju.

Oleh itu, kempen menjaga kebersihan, kitar semula dan penjagaan alam sekitar akan terus dipergiatkan pada peringkat sekolah rendah bagi menanam kesedaran dan disiplin berkaitan perkara itu.

"Kempen kebersihan awam di setiap kawasan Parlimen diadakan setiap tahun dengan memperuntukkan kira-kira RM9 juta," katanya.